

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

STW 201 – Pengantar Kerja Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemuanya EMPAT soalan sahaja. Jawab mana-mana TIGA soalan daripada Bahagian A. Soalan No. 6 daripada Bahagian B wajib dijawab. Setiap soalan diberikan nilai yang sama iaitu 100 markah.

BAHAGIAN A

1. Jelaskan konsep-konsep berikut secara ringkas

- Kesejahteraan Sosial
- Kefungsian Sozial
- Kawalan Sosial
- Teori Praktis Kerja Sosial
- Amalan Silangbudaya

(100 markah)

2. Pilih dua prinsip operasi kerja sosial dan hujahkan kepentingan dan kelemahan prinsip tersebut dalam pengamalan kerja sosial.

(100 markah)

3 Sila teliti ciri-ciri sebuah profesyen. Tunjukkan bagaimana kerja sosial memenuhi ciri-ciri tersebut.

(100 markah)

...2/-

4. Sheafor menjelaskan perbezaan peranan dan fungsi kerja sosial. Pilih empat huraian beliau dan bincangkan. Sila gunakan contoh jawapan anda.
(100 markah)

5. Bincangkan pengaruh kuasa dan sumber dalam perlaksanaan dan perkembangan kerja sosial.
(100 markah)

BAHAGIAN B – Wajib dijawab.

6. Seorang pekerja sosial telah bekerja dalam sebuah komuniti selama 7 tahun. Beliau telah mengenali ahli komuniti dengan rapat dan dianggap sebagai salah seorang daripada mereka.

Kebelakangan ini terdapat perbalahan antara golongan yang berada dan kurang berada dalam komuniti. Isu yang dipertikaikan ialah pembahagian sumber dalam komuniti. Golongan kurang berada merasakan yang golongan berada cuba dan telah mengaup sumber-sumber dalam komuniti. Ahli komuniti yang lebih memerlukan sumber-sumber tertentu tidak dapat peluang menggunakanannya. Pekerja sosial lebih memihak kumpulan kurang berada. Akibatnya dia telah disisihkan oleh kumpulan berada.

Untuk memudahkan perjalanan kerjanya dan mengagihkan semula sumber dalam komuniti itu, pekerja sosial mengambil keputusan untuk berbaik-baik dengan golongan berada. Dia telah berpura-pura setuju dengan tindakan mereka. Perubahan sikapnya ini sangat dipersoalkan oleh golongan berada.

Soalan:

- (i) Apakah isu-isu nilai prinsip dan eika yang timbul dalam perhubungan ini.

- (ii) Bagaimana isu-isu nilai dan etika ini boleh diselesaikan.

- (iii) Jika anda seorang pekerja sosial yang akan mengambil alih tugas tersebut, apakah pendekatan yang akan anda gunakan dan bagaimana caranya anda mengendalikan persoalan nilai prinsip dan etika.

(100 markah)